



SG Digital

Kit Permulaan untuk Singtel Dash




Dash

TAHUKAH ANDA?

Singtel Dash adalah dompet mudah alih semua dalam satu untuk keperluan pembayaran dan gaya hidup anda. Sama ada di kedai atau dalam talian, tempatan atau global, Dash membolehkan anda membuat pembayaran yang selamat dan mudah ke mana sahaja anda pergi. Muat turun Dash untuk membeli-belah, menjamu selera, berulang-alik dan menghantar wang dengan telefon mudah alih anda sekarang.

Langkah 1 Pasang aplikasi Singtel Dash pada telefon mudah alih anda

Pergi ke **Apple App Store** atau **Google Play Store** untuk memuat turun **aplikasi Singtel Dash**.




1. Untuk pengguna iOS, ketik **GET** untuk memuat turun aplikasi.



2. Untuk pengguna Android, ketik **Install** untuk memuat turun aplikasi.

Langkah 2 Daftar untuk Singtel Dash


Lengkapkan pendaftaran dalam 3 langkah mudah:




Lancarkan aplikasi Singtel Dash anda dan ketik **'Daftar'** untuk mendaftar.



1. Isi butiran yang diperlukan dalam borang.




2. Sediakan PIN 6 angka anda. Jangan gunakan angka berturutan (123456) atau pendua (333333).




3. Isi maklumat yang tinggal dan masukkan rujukan/ kod promo (jika ada).

Langkah 3


Tambah nilai dan Imbas QR untuk membuat pembayaran dengan Singtel Dash




1. Pilih 'Tambah Nilai' di skrin utama untuk menambah nilai akaun Singtel Dash anda.



2. Pilih kaedah tambah nilai pilihan anda * dan ikuti langkah-langkah untuk menambah nilai.



3. Ketik butang merah jambu di skrin utama untuk mengimbas QR untuk membuat pembayaran.



4. Sahkan nama pedagang dan jumlah transaksi sebelum membuat pembayaran.

* Pilihan tambah nilai lain yang tersedia termasuk eNETS melalui akaun bank anda, 7-eleven dan AXS. Lawati dash.com.sg untuk mengetahui lebih lanjut.

Panduan keselamatan siber



- Gunakan kata laluan yang kuat pada peranti anda untuk mengelakkan penggunaan yang tidak dibenarkan
- Jangan berkongsi PIN atau OTP anda dengan sesiapa sahaja
- Jangan dedahkan maklumat kad peribadi, kewangan atau kad kredit ke laman web yang kurang dikenali atau mencurigakan.

Kredit: Kandungan disediakan oleh  Dash



MEMBANTU ANDA MEMBUAT HUBUNGAN YANG PENTING



Kerana hidup lebih indah ketika anda berhubung

Seniors Go Digital adalah program yang direka khas untuk membantu anda memulakan perjalanan digital anda, dengan sumber dalam talian dan sesi pembelajaran yang menyeronokkan yang akan membolehkan anda memperoleh kemahiran baru.

Ketahui lebih lanjut



go.gov.sg/SeniorsGoDigital



6377 3800



info@sdo.gov.sg

